

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

**Belajar secara konsisten, bertanya resipi kejayaan**  
**14. Oct 2008** Language **MALAY**  
**Berita Harian** Page No **40**  
**Sentral** Article Size **345 cm<sup>2</sup>**  
**217920** Frequency **Daily**  
**2083000** Color **Full Color**  
**AdValue** **18017.32**



# Belajar secara konsisten, bertanya resipi kejayaan

Aini Marina penerima Hadiah Pingat Emas Canselor UPM

Oleh Basir Zahrom  
basir@bharian.com.my

**S**ERDANG: Belajar secara konsisten dan sentiasa bertanya pen-syarah, walaupun di luar masa kuliah antara faktor kejayaan penerima Hadiah Pingat Emas Canselor sempena Majlis Konvokesyen ke-32, Universiti Putra Malaysia (UPM), mulai 18 Oktober hingga 22 Oktober ini.

Aini Marina Ma'ruf dari program Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua yang mendapat Purata Gred Nilai Kumulatif 3.927 juga muncul graduan terbaik keseluruhan universiti itu.

Beliau yang kini bertugas sementara sebagai pegawai penerbitan di Bahagian Komunikasi UPM menerima Pingat Emas Canselor, sijil dan wang tunai RM5,000 yang akan disampaikan Canselor universiti itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Selain belajar secara berterusan, kita perlu bersikap proaktif serta pandai menjaga hubungan baik dengan pensyarah bukan bertujuan membodek, tetapi bagi mendapat keberkatan dan menghormati mereka," katanya selepas sidang media Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah mengenai konvokesyen itu, di sini, semalam.



NIK MUSTAPHA mengucapkan tahniah kepada Aini Marina sambil diperhatikan (dari kiri) A'ffifah, Inn Thing, Faizura dan Wing Fen (kanan) selepas sidang media di Serdang, semalam.

Selain Aini Marina, lima lagi graduan menerima anugerah ialah Faizura Rahaizad dan Yap Wing Fen (Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja), Lee Inn Thing (Pingat Emas Alumni), A'ffifah Abd Razak (Pingat Emas Yayasan Pak Rashid) dan Ahmad Zamri Alimin (Hadiah Syed Kechik).

Sementara itu, Setiausaha Agung ASEAN, Dr Surin Pitsuwan, pula akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi.

Nik Mustapha berkata, mereka sebahagian daripada 7,840 graduan pelbagai bidang pengajian yang mene-

rima ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, bachelor dan diploma masing-masing pada konvokesyen berkenaan.

Daripada jumlah itu, katanya, 176 penerima PhD, termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang menerima ijazah itu dalam

bidang komunikasi kemanusiaan, sarjana (1,037), bachelor (6,128) dan diploma (499).

"Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah, ijazah dan diploma kepada graduan pada sesi pertama..

"Konvokesyen membabitkan 10 sesi turut disempurnakan Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr Nayan Ariffin, pada sesi kedua, kelima dan kelapan; Tan Sri Lim Ah Lek, sesi ketiga, keenam dan kesembilan serta Tan Sri Rozali Ismail, sesi keempat, ketujuh dan ke-10," katanya.

**FAKTA NOMBOR**  
**7,840**  
**graduan**  
Pada Majlis Konvokesyen ke-32,  
Universiti Putra Malaysia